



بنك معاشران

Bank Muamalat

## Kempen #HartawanEmas (“Kempen”)

### TERMA DAN SYARAT

Kempen #HartawanEmas adalah satu Kempen Media Sosial yang dianjurkan oleh Bank Muamalat Malaysia Berhad (6175-W) (“BMMB”). (“Penganjur”) melalui laman sosial rasmi bank iaitu di Facebook dan Instagram; yang mana ia terbuka kepada pelanggan BMMB.

#### 1. OBJEKTIF KEMPEN

- i. Sebagai penghargaan kepada pelanggan BMMB kerana memberi sokongan terhadap kempen dengan membuka **Akaun Simpanan-i (Tawarruq) “Oh Yeah”** (“Akaun Kempen”) bersama BMMB.
- ii. Memberi peluang kepada pelanggan BMMB untuk mengambil bahagian dalam kempen media sosial yang dijalankan oleh BMMB.

#### 2. SYARAT KEMPEN

- i. Penyertaan adalah percuma dan terbuka kepada semua para **pelanggan individu baru** dan **sedia ada** BMMB yang bermastautin di Malaysia (termasuk bukan pemastautin).
- ii. Kempen akan bermula dari 1 Januari 2018 hingga 30 Mac 2018 (3 bulan). Walaubagaimanapun, Penganjur berhak menukar atau meminda tarikh dan tempoh Kempen ini sekiranya perlu.

#### 3. MEKANISME KEMPEN

- i. Peserta yang layak perlulah **mengikuti laman sosial rasmi** BMMB; iaitu Facebook (Bank Muamalat Malaysia Berhad) dan Instagram (MyBankMuamalat).
- ii. Peserta yang layak perlu **membuka Akaun Simpanan-i (Tawarruq) “Oh Yeah”** dan **menyimpan atau menambah** (top-up) deposit minimum RM1,000 dan **diperuntukkan** (“earmark”) dalam Akaun Kempen selama tujuh (7) bulan (iaitu Tempoh Peruntukan) bermula dari tarikh peletakan deposit.
- iii. Peserta perlu **memuat naik foto** yang menarik bersama Buku Akaun Simpanan-i (Tawarruq) “Oh Yeah” (“passbook”) mereka dengan meletakkan **#HartawanEmas** (“hashtag”).
- iv. Dengan memenuhi kriteria di atas, peserta berpeluang untuk memenangi hadiah tambahan berupa wang tunai berjumlah RM50.
- v. Hadiah tambahan berjumlah RM50 tersebut akan dikreditkan ke dalam **Akaun Simpanan-i (Tawarruq) “Oh Yeah”** jika peserta yang layak memenuhi kriteria kempen.
- vi. Foto yang diambil tidak boleh mendedahkan sebarang dokumen atau informasi yang sensitif/peribadi yang boleh menjaskan peserta/bank.



بنك معاشران

Bank Muamalat

- vii. Foto yang dimuat naik tidak mengandungi isyarat/aksi yang keterlaluan dan hendaklah berpakaian sopan

#### 4. METODOLOGI PENILAIAN

- i. Sebarang foto pelanggan BMMB yang menggunakan #HartawanEmas ("hashtag") akan secara automatik layak untuk menyertai Kempen ini.
- ii. Penilaian akan dijalankan mengikut kriteria yang perlu dipatuhi seperti di bawah:
  - a. Mengikuti kedua-dua laman sosial rasmi BMMB (Facebook dan Instagram)
  - b. Membuka **Akaun Simpanan-i (Tawarruq) "Oh Yeah"**
  - c. Meletakkan deposit minimum sebanyak RM1,000 dan diperuntukkan ("earmark") dalam Akaun Kempen selama tujuh (7) bulan.
  - d. Memuat naik foto yang menarik bersama Buku Akaun Simpanan-i (Tawarruq) "Oh Yeah" ("passbook") dengan meletakkan #HartawanEmas ("hashtag").

#### 5. HADIAH

- i. Hadiah wang tunai akan dikreditkan ke dalam **Akaun Simpanan-i (Tawarruq) "Oh Yeah"** peserta.
- ii. BMMB akan menyenarai pendek nama peserta yang memenuhi syarat kempen.
- iii. Cabutan undian secara rawak akan dilakukan ke atas 100 peserta yang bertuah setiap bulan (bermula Januari 2018 hingga Mac 2018).
- iv. Pemilihan pemenang akan dibuat berdasarkan pertimbangan pihak Penganjur dan keputusan adalah muktamad. Sebarang surat-menyurat, pertanyaan, rayuan, mahupun bantahan tidak akan dilayan bagi mana-mana situasi.

#### 6. NOTIS PEMBERITAHUAN PEMENANG

- i. Pemenang akan diberitahu melalui surat rasmi atau panggilan telefon/perkhidmatan pesanan ringkas (SMS) atau media sosial. Nama-nama pemenang juga akan dipaparkan di laman sesawang BMMB [www.muamalat.com.my](http://www.muamalat.com.my), Facebook, Instagram dan/atau surat khabar yang terpilih.
- ii. Sekiranya BMMB tidak dapat menghubungi pelanggan yang menang dalam masa 30 hari kalender dengan sedaya upaya menggunakan saluran biasa komunikasi (iaitu panggilan telefon, SMS, surat) berdasarkan rekod yang sedia ada di BMMB, BMMB berhak memilih pemenang lain yang layak sebagai pengganti.
- iii. Satu tarikh akan ditentukan oleh BMMB untuk majlis penyampaian hadiah (jika ada) dan semua pemenang perlu patuh pada yang berikut:-
  - a. Wajib untuk semua pemenang hadir semasa majlis penyampaian hadiah;
  - b. Semua pemenang akan dimaklumkan melalui panggilan telefon/SMS dan/atau surat untuk butiran majlis penyampaian hadiah; dan



- c. Sekiranya ada pemenang yang tidak dapat menghadiri majlis penyampaian hadiah atas sebab yang sah, pegawai yang menyelia Kempen akan menjadualkan tarikh baru untuk mengambil hadiah tersebut di cawangan BMMB yang terdekat dengan pemenang.

## 7. TUNTUTAN HADIAH

- i. Pemenang dikehendaki menuntut hadiah dalam tempoh 21 hari setelah adanya hadiah tersebut untuk diambil (yang mana akan dimaklumkan oleh BMMB). Hadiah yang tidak dituntut akan dibatalkan sekiranya gagal berbuat demikian.
- ii. Untuk menuntut hadiah, pemenang mesti mengemukakan kad pengenalan mereka untuk pengesahan dan juga perlu menandatangani borang/perisyntiharhan (jika ada) sebagaimana yang dikehendaki oleh BMMB.
- iii. Dalam kes kematian pemenang cabutan, tuntutan hadiah hanya boleh dibuat oleh benefisiari kepada si mati dalam tempoh 12 bulan dari tarikh si mati berserta Surat Pentadbiran dan/atau dokumen-dokumen sokongan yang diterima pakai oleh BMMB. Sekiranya gagal, BMMB berhak untuk membatalkan hadiah dan memilih pemenang cabutan lain. Jika berlaku kematian pemenang yang memegang akaun bersama, konsep 'survivorship' akan diguna pakai.
- iv. Hadiah-hadiah yang tertera adalah tertakluk kepada stok sedia ada. BMMB berhak untuk mengganti hadiah tersebut dengan mana-mana hadiah yang mempunyai nilai yang sama jika diperlukan tanpa memberi makluman terlebih dahulu kepada pemenang.
- v. Hadiah tidak boleh dipindah milik atau di tukar ganti dengan hadiah lain.

## 6. SYARAT-SYARAT LAIN

- i. Keputusan yang dibuat oleh pihak juri di dalam Kempen ini adalah muktamad.
- ii. Dengan menyertai Kempen ini, peserta dianggap telah membaca dan memahami serta bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat Kempen yang telah ditetapkan.
- iii. BMMB berhak untuk membatalkan, menamatkan, menggantung atau melanjut Kempen ini dengan atau tanpa notis terlebih dahulu. Bagi mengelakkan keraguan, pembatalan, penamatan atau penggantungan terhadap Kempen ini oleh BMMB, pemegang akaun tidak layak untuk membuat sebarang tuntutan atau pampasan daripada BMMB untuk mana-mana kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh pemegang akaun secara langsung atau tidak langsung terhadap pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut.
- iv. Semua pelanggan Kempen yang layak adalah secara peribadi bertanggungjawab untuk semua cukai, kadar, yuran kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan, di bawah undang-undang yang terpakai, jika ada, dan kos pemasangan, jika berkenaan berhubung dengan hadiah dan Kempen.



- v. Dengan mengambil bahagian dalam Kempen ini, pemegang akaun adalah dianggap telah membaca dan memahami serta bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat ini beserta terma-terma dan syarat-syarat dari agensi yang dilantik dan dengan secara tidak boleh batal sekali gus membenarkan BMMB untuk mendedahkan informasi mengenai butir-butir pemegang akaun kepada pihak lain yang secara langsung atau tidak langsung menganjur serta mempromosikan Kempen ini. BMMB mempunyai hak eksklusif untuk mengumumkan atau memaparkan nama-nama dan gambar-gambar pemenang untuk tujuan pengiklanan dan publisiti. Borang Kempen (jika ada), nama dan gambar pemenang ialah milik BMMB.
- vi. BMMB tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kecederaan atau kehilangan nyawa dan barang-barang berharga atau mana-mana kerosakan walau apa pun atau bagaimana jua pun yang dialami atau ditanggung secara berterusan oleh pemegang akaun yang timbul atau akibat langsung atau tidak langsung secara keseluruhan atau sebahagian daripada penyertaan atau hadiah yang dimenangi dalam Kempen ini atau akibat daripada tindakan atau peninggalan dari bahagian BMMB. BMMB tidak akan bertanggungjawab terhadap mana-mana kegagalan untuk melaksanakan mana-mana tanggungjawab yang berkaitan dengan kempen ini disebabkan oleh kejadian alam semulajadi, perang, rusuhan, mogok, tindakan industri, kebakaran, banjir atau mana-mana situasi di luar kawalan BMMB.
- vii. Bagi perkara yang tersimpan dan tidak terkecuali untuk Terma-terma dan Syarat-syarat khusus Kempen yang tertulis di sini, segala terma dan syarat lain yang termaktub dalam Terma dan Syarat akaun Simpanan-i di bawah konsep Tawarruq haruslah diguna pakai.
- viii. Jika pemenang diketahui tidak memenuhi syarat-syarat untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini atau menebus hadiah yang diberikan, BMMB berhak untuk membatalkan atau mengambil semula hadiah dan menganugerahkan hadiah yang sama kepada pemenang yang lain sebagaimana yang dapat ditentukan oleh BMMB yang sepadan dengannya.
- ix. BMMB juga mempunyai hak dari semasa ke semasa sebagaimana yang difikirkannya patut untuk mengubah, menambah, memadam, meminda, mengubahsuai dan/atau mengubah mana-mana Terma dan Syarat ini dengan memberikan sekurang-kurangnya minimum dua puluh satu (21) hari notis terdahulu dan notis akan disiarkan di laman web BMMB di [www.muamalat.com.my](http://www.muamalat.com.my) melalui Facebook atau Instagram BMMB atau dengan cara lain yang dianggap sesuai oleh BMMB. Pelanggan yang menyertai Kempen ini dianggap telah mengakses laman web BMMB dan mempunyai pengetahuan mengenainya dan telah bersetuju dengan sebarang perubahan atau perubahan kepada Terma dan Syarat ini. Pelanggan bersetuju bahawa penyertaan mereka yang berterusan dalam Kempen ini akan menjadi penerimaan mereka terhadap Terma dan Syarat ini (yang berubah atau diubah).
- x. Terma & Syarat ini ditadbir oleh dan ditafsirkan di bawah undang-undang Malaysia.
- xi. Terma & Syarat ini termasuk hak budi bicara dan/atau kuasa yang diberikan kepada mana-mana pihak di bawah dokumen ini adalah tertakluk kepada prinsip-prinsip Syariah.